

# Kembara 25 tahun Eric

Oleh JAGATHESWARY NARAYANAN  
n.jagatheswary@kosmo.com.my

**Buku *In Full Bloom* mengisahkan perjalanan Eric dari kecil hinggalah beliau menceburi dunia fesyen.**



SEBAHAGIAN daripada himpunan terbaru Eric.

ADA orang kata, pereka fesyen terbaik lahir begitu sahaja tetapi yang ada pula berpendapat, mereka sebenarnya wujud hasil didikan dan asuhan seseorang.

Kedua-dua senario itu amat sinonim bagi pereka fesyen terkenal, Eric Choong. Sejak kecil, beliau dikurniakan daya kreativiti dan cinta yang sangat mendalam terhadap seni kreatif.

Namun, kreativiti dan bakat Eric itu gagal disaksikan dunia fesyen pada hari ini jika ibunya yang merupakan seorang jurumekap profesional tidak menghidu kebolehan tersebut.

Lelaki berusia 45 tahun itu berjaya melakar nama dan membawa industri fesyen tempatan ke tahap yang lebih tinggi. Sekali gus beliau membuktikan kehebatan anak muda Malaysia di pentas antarabangsa.

Menariknya, Eric menjadi pereka fesyen solo yang mewakili industri fesyen Asia Tenggara. Terbaru dia mempamerkan koleksi pengantin terbarunya pada Minggu Fesyen Pengantin Sydney baru-baru ini.

Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Itulah ungkapan ideal menggambarkan bakat dan kreativiti pereka kelahiran Ipoh, Perak itu.

Beliau merekodkan perjalanan hidupnya dalam sebuah buku kecil.

Eric berkongsi pengalaman di sebalik penerbitan buku yang mengisahkan kisah hidupnya sebagai pereka fesyen dan cabaran yang dilalui sepanjang menceburi bidang penuh glamor itu.

"Sebelum ini pun saya memang berminat untuk menulis sebuah buku yang menceritakan suka duka perjalanan fesyen yang dilalui sejak 25 tahun lalu," kata Eric ketika ditemui di butiknya di Bangsar Baru, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Katanya, buku itu bukan sahaja menggambarkan perjalanan hidupnya, malah menerangkan pengertian sebenar mengenai fesyen. Pada masa yang sama, ia juga menjadi sumber inspirasi kepada pereka-pereka fesyen muda di luar sana.

"Buku yang berjudul *In Full Bloom* itu turut mengisahkan zaman kanak-kanak dan insan yang menjadi sumber inspirasi saya untuk menceburi bidang fesyen itu.

"Ketika berusia tujuh tahun saya gemar melukis dan apabila berumur 13 tahun, minat itu beralih kepada menghasilkan lakaran-lakaran yang menggambarkan manusia," ujar Eric yang pernah melakar rekaan baju guru-guru wanitanya.



BUKU yang ditulis dalam bahasa Mandarin ini menceritakan pengalaman hidup Eric sejak kecil.

Eric juga menceritakan kisah-kisah lamanya dalam buku tersebut di mana beliau menghabiskan kebanyakan masa bersama ibu di salon ibunya.

"Di situlah saya terserempak dengan majalah-majalah yang memaparkan industri fesyen antarabangsa terutama fesyen di Hong Kong dan Jepun," katanya.

Bekas graduan Institusi Rekaan Fesyen Hong Kong itu memberitahu, buku yang ditulis dalam bahasa Mandarin itu sebenarnya diterbitkan untuk satu niat.

Ujarnya, segala keuntungan yang diperoleh daripada penjualan buku berkenaan akan disumbangkan kepada Kechara Soup Kitchen. Ia merupakan sebuah kumpulan komuniti yang membantu menyediakan makanan kepada golongan miskin di sekitar ibu kota.

Lelaki yang mempunyai lima label di bawah naungannya iaitu Eric Choong Bride, Eric Choong Couture, Eric Choong Homme, Eric Choong Ready-to-Wear dan Eric Choong Flow itu berkata, versi terjemahan bahasa Inggeris juga bakal menemui orang ramai tidak lama lagi.

Buku sulung Eric itu dijual pada harga RM59.90 dan boleh didapati di kedai buku MPH dan Kinokuniya.